

Peraturan Kejohanan

Allianz Junior Badminton Championship 2025

1. Nama Kejohanan

- 1.1 Kejohanan ini dikenali sebagai **Allianz Junior Badminton Championship 2025** dengan kerjasama Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Peraturan Am

- 2.1 Semua Peraturan Kejohanan ini adalah mengikuti Peraturan Am Persekutuan Badminton Dunia (BWF) dan Peraturan Am MSSM Pindaan 10 Tahun 2022, melainkan peraturan-peraturan tertentu yang tidak terkandung dalam Peraturan Kejohanan ini yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Kejohanan.

3. Had Umur Peserta

- 3.1 Kategori Bawah 11 Tahun:
Lelaki dan perempuan lahir pada tahun 2014 hingga 2018
- 3.2 Kategori Bawah 13 Tahun:
Lelaki dan perempuan lahir pada tahun 2012 dan 2013
- 3.3 Kategori Bawah 15 Tahun:
Lelaki dan perempuan lahir pada tahun 2010 dan 2011

Kiraan umur adalah pada 1 hari bulan Januari tahun Kejohanan.

4. Jenis Kategori

- | | | |
|-----|------------------------|-----------------------------|
| 4.1 | Perseorangan Lelaki | – Bawah 11, 13 dan 15 tahun |
| 4.2 | Perseorangan Perempuan | – Bawah 11, 13 dan 15 tahun |
| 4.3 | Beregu Lelaki | – Bawah 13 dan 15 tahun |
| 4.4 | Beregu Perempuan | – Bawah 13 dan 15 tahun |

5. Pendaftaran dan Kelayakan Peserta

- 5.1 Terbuka kepada murid yang bersekolah sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan menjadi ahli gabungan Majlis Sukan Sekolah Malaysia KPM sahaja layak menyertai Kejohanan ini.

- 5.2 Kejohanan ini terbuka kepada semua **Warganegara Malaysia**.
- 5.3 Seorang peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam acara perseorangan atau beregu atau kedua-duanya sekali mengikut kategori umur peserta (maksima 2 acara: perseorangan dan beregu) kecuali peserta bawah 11 Tahun boleh bermain untuk kategori perseorangan atau beregu bawah 13 Tahun.
- 5.4 Pasangan beregu wajib dari negeri yang sama walaupun berlainan sekolah. Murid yang mewakili Pusat Latihan Daerah Badminton wajib mendaftar di bawah nama Pusat Latihan Daerah tersebut.
- 5.5 Kad pengenalan atau sijil kelahiran hendaklah dibawa bersama semasa pertandingan.
- 5.6 Peserta perlu menyerahkan salinan cetak Surat Persetujuan (*consent form*) yang lengkap dengan tandatangan ibubapa/ penjaga kepada Sekretariat Kejohanan pada hari pertama Kejohanan.
- 5.7 Semua peserta yang mengambil bahagian hendaklah didaftarkan dengan menggunakan pautan yang disediakan oleh penganjur.
- 5.8 Pertukaran peserta tidak dibenarkan selepas jadual pertandingan dikeluarkan.
- 5.9 Semua peserta dikehendaki melaporkan diri kepada Referi Kehormat 10 minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.
- 5.10 Pendaftaran hendaklah sampai ke Urusetia Kejohanan sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan bagi setiap pusingan kelayakan.
- 5.11 Pemain dari Akademi Badminton Malaysia (ABM) dan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) tidak dibenarkan menyertai Kejohanan ini.

6. Sistem Kejohanan

- 6.1 Kejohanan dijalankan secara kalah keluar (knock-out).
- 6.2 Pengiraan mata adalah mengikut Undang-undang BWF melainkan diputuskan oleh Referi dan Pihak Penganjur.
- 6.3 Keputusan setiap perlawanan di pusingan pertama sehingga suku akhir menggunakan sistem tiga puluh (30) mata, manakala di peringkat separuh akhir dan akhir ditentukan melalui sistem dua puluh satu (21) mata menerusi tiga (3) set terbaik (*Best of 3*).
- 6.4 Setiap peserta hanya dibenarkan menyertai satu (1) daripada sepuluh (10) Pusingan Kelayakan yang dipertandingkan sebelum Peringkat Akhir (*Grand Finals*).
- 6.5 Semua pemenang iaitu Johan dan Naib Johan untuk kategori Bawah 13 Tahun dan Bawah 15 Tahun di Pusingan Kelayakan akan layak ke Peringkat Akhir (*Grand Finals*) secara merit.
- 6.6 Kategori Bawah 11 Tahun hanya dipertandingkan di peringkat Pusingan Kelayakan sahaja. Pemenang tidak akan dipertandingkan di Peringkat Akhir (*Grand Finals*).

7. Pakaian

- 7.1 Peserta dibenarkan memakai baju "T" sebarang jenis warna cerah atau baju "T" sekolah serta seluar sebarang jenis warna cerah.

- 7.2 Peserta-peserta tidak boleh memaparkan sebarang iklan yang dilarang.
- 7.3 Pengiklanan mengikut syarat-syarat dan undang-undang BWF.
- 7.4 Setiap jurulatih hendaklah berkasut semasa duduk ditempat jurulatih yang dikhaskan.
- 7.5 Pemenang-pemenang **diwajibkan** memakai pakaian rasmi Kejohanan semasa penyampaian hadiah.

8. Gelanggang dan Peralatan

- 8.1 Mengikut spesifikasi Undang-undang BWF.
- 8.2 Jenama bulu tangkis yang digunakan akan ditentukan oleh Pihak Penganjur.

9. Ketepatan Masa

- 9.1 Semua perlawanan adalah mengikut jadual pertandingan yang ditetapkan kecuali diberitahu oleh Referi atau Pihak Penganjur.
- 9.2 Pihak Penganjur berhak mengubah jadual dan masa pertandingan jika perlu. Jadual pertandingan akan dipamerkan dalam "*Tournament Software*".
- 9.3 Selepas pengumuman, peserta hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil di gelanggang berkenaan. Peserta yang gagal melaporkan diri dalam masa lima (5) minit akan dikira kalah dan kemenangan percuma akan diberi kepada pihak lawan.

10. Menerima Nasihat Jurulatih

- 10.1 Peserta boleh menerima nasihat Jurulatih pada setiap masa rehat, pertukaran petak gelanggang di antara set pertama dan set kedua dalam tempoh masa dua (2) minit.
- 10.2 Nasihat atau tunjuk ajar daripada tepi gelanggang (di bangku Jurulatih) semasa perlawanan adalah dibenarkan apabila bulu tangkis tidak lagi dalam permainan.
- 10.3 Hanya Jurulatih / Pengurus Pasukan boleh berada di tempat khas yang disediakan.

11. Pengadil / Hakim Garis

- 11.1 Pihak Pengelola akan menyediakan Pengadil yang bertauliah.
- 11.2 Keputusan Pengadil adalah muktamad. Seseorang peserta hanya boleh merayu kepada Referi Kejohanan atas undang-undang sahaja.
- 11.3 Peserta hendaklah menyediakan seorang Hakim Garis semasa perlawanan berlangsung.

12. Penangguhan Perlawanan

- 12.1 Penangguhan perlawanan tidak dibenarkan kecuali diputuskan oleh Referi Kejohanan dan Pihak Penganjur.
- 12.2 Sekiranya ada peserta yang menarik diri atau menyerah kalah semasa pertandingan (kecederaan / sengaja), semua keputusan pertandingan yang dimainkan oleh peserta tersebut akan dibatalkan. Sekiranya peserta itu

bermain melebihi dari satu (1) acara, maka kedua-dua acara tersebut akan dibatalkan dan diberikan "walk-over".

13. Bantahan

- 13.1 Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Undang-undang BWF dan Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM).
- 13.2 Bantahan secara lisan dibenarkan tetapi satu (1) surat yang ditandatangani oleh Pengurus Pasukan mesti disampaikan kepada Referi Kejohanan atau Pihak Penganjur dalam masa tiga puluh (30) minit selepas perlawanan tamat, bersama-sama RM300 (tiga ratus ringgit sahaja).
- 13.3 Wang tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut didapati tidak berasas.

14. Pindaan Dan Hak Jawatankuasa Pengelola

- 14.1 Semua peraturan yang dinyatakan di atas mesti dipatuhi.
- 14.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am dan Peraturan Kejohanan ini akan diputuskan oleh Referi Kejohanan dan Jawatankuasa Penganjur dan keputusan itu adalah muktamad.

15. Kategori Yang Dipertandingkan

Umur	Bawah 11 Tahun	Bawah 13 Tahun	Bawah 15 Tahun
Kategori	Perseorangan Lelaki	Perseorangan Lelaki	Perseorangan Lelaki
	Perseorangan Perempuan	Perseorangan Perempuan	Perseorangan Perempuan
		Beregu Lelaki	Beregu Lelaki
		Beregu Perempuan	Beregu Perempuan

- 15.1 Kuota setiap Pusingan Kelayakan adalah seperti berikut:

Kategori	Saiz Undian
Perseorangan Lelaki Bawah 11 Tahun	64
Perseorangan Lelaki Bawah 13 Tahun	64
Perseorangan Lelaki Bawah 15 Tahun	64
Perseorangan Perempuan Bawah 11 Tahun	32
Perseorangan Perempuan Bawah 13 Tahun	32
Perseorangan Perempuan Bawah 15 Tahun	32
Beregu Lelaki Bawah 13 Tahun	32
Beregu Lelaki Bawah 15 Tahun	32
Beregu Perempuan Bawah 13 Tahun	32
Beregu Perempuan Bawah 15 Tahun	32

16. Kelayakan Ke Peringkat Akhir (Grand Finals)

- 16.1 Semua pemenang iaitu Johan dan Naib Johan kategori Bawah 13 Tahun dan Bawah 15 Tahun pada Pusingan Kelayakan akan layak ke Peringkat Akhir secara merit, kecuali peserta kategori Bawah 11 Tahun.

- 16.2 Pemenang kategori Bawah 11 Tahun tidak akan bertanding di Peringkat Akhir.
- 16.3 Kos pengangkutan dan penginapan peserta yang layak ke Peringkat Akhir akan ditanggung sepenuhnya oleh Pihak Penganjur.
- 16.4 Semua peserta yang layak diwajibkan menggunakan pengangkutan dan penginapan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 16.5 Peserta-peserta Peringkat Akhir akan diuruskan sepenuhnya oleh Pihak Penganjur dan pegawai-pegawai yang dilantik oleh KPM.
- 16.6 Peserta yang layak juga hendaklah membuat pengesahan kehadiran selepas surat dari KPM diedarkan, sekiranya gagal seperti yang ditetapkan Pihak Penganjur akan singkirkan dari menyertai Peringkat Akhir.
- 16.7 Peserta yang telah membuat pengesahan kehadiran sekiranya tidak hadir akan dikenakan tindakan dan perlu membayar ganti rugi kepada Pihak Penganjur.
- 16.8 Jumlah kuota kelayakan peserta ditetapkan seperti berikut :

Perseorangan Lelaki

Kategori Umur	Pusingan Kelayakan										Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Bawah 13	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20
Bawah 15	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20

Perseorangan Perempuan

Kategori Umur	Pusingan Kelayakan										Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Bawah 13	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20
Bawah 15	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20

Beregu Lelaki (Pasangan)

Kategori Umur	Pusingan Kelayakan										Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Bawah 13 (Pasangan)	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20
Bawah 15 (Pasangan)	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20

Beregu Perempuan (Pasangan)

Kategori Umur	Pusingan Kelayakan										Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Bawah 13 (Pasangan)	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20
Bawah 15 (Pasangan)	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	20

17. Peringkat Akhir

- 17.1 Menggunakan sistem "Round-robin Qualification, Elimination Main Draw"

Perseorangan/Beregu Lelaki dan Perempuan


Sistem	Kategori Umur	Saiz Undian
Perseorangan	Bawah 13	5 peserta setiap kumpulan
	Bawah 15	5 peserta setiap kumpulan
Beregu	Bawah 13	5 pasangan setiap kumpulan
	Bawah 15	5 pasangan setiap kumpulan

Round-robin Qualification

Undian akan dijalankan dengan membahagikan semua peserta kepada 4 kumpulan dengan menggunakan kaedah pemisahan peserta sesama negeri ('*Optimum Separation*').

Elimination Main Draw

Johan dan Naib Johan kumpulan layak ke peringkat kalah singkir yang akan dijalankan mengikut mekanisme seperti berikut:



- 17.2 Semua keputusan mengenai perkara fakta (*point of fact*) adalah tanggungjawab Pengadil dan keputusannya adalah muktamad.
- 17.3 Peserta hanya boleh membuat rayuan kepada Referi Kejohanan tentang peraturan-peraturan dan undang-undang permainan sahaja.

18. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

En. Akbar – 011-3234 7043